



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

SURAT ARAHAN PENGARAH INSTUN BILANGAN 1 TAHUN 2010

**PELAKSANAAN BAYARAN SAGUHATI KEPADA
PENSYARAH/PENCERAMAH DAN FASILITATOR BAGI PEGAWAI
INSTUN**

TUJUAN

1. Surat Arahan Pengarah INSTUN ini bertujuan untuk menerangkan garis panduan khusus mengenai bayaran saguhati bagi pegawai INSTUN yang ditugaskan memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator dalam kursus/bengkel/seminar/majlis rasmi/program yang dianjurkan oleh INSTUN atau jabatan/agensi lain. Surat Arahan Pengarah ini adalah tertakluk kepada peraturan sedia ada yang terkandung dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005.

LATAR BELAKANG

2. Surat Arahan ini dikeluarkan berikutan keputusan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) bilangan 4/2009 bertarikh 15 Disember 2009 yang meminta Bahagian R&D mengkaji dan menyemak bayaran saguhati kepada pensyarah/penceramah dan fasilitator yang melibatkan pegawai INSTUN. Semakan ini berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 tahun 2005, model terbaik di institut latihan lain seperti INTAN dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Seterusnya dengan mengambil model tersebut, maka satu Surat Arahan Pengarah perlu dikeluarkan bagi rujukan pegawai INSTUN.

MODEL PELAKSANAAN OLEH INTAN

3. R&D telah membuat semakan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005 dan rujukan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, NRE serta INTAN. Berdasarkan kepada INTAN, INTAN telah membahagikan pegawainya kepada 2 kategori iaitu **Jurulatih (tenaga pengajar)** dan **Bukan Jurulatih (bukan tenaga**

pengajar). Jurulatih (tenaga pengajar) terdiri dari semua pegawai pelbagai gred yang terlibat secara langsung atau tidak langsung mengendalikan program-program anjuran INTAN (*Core Business*). Memberi ceramah atau menjadi fasilitator merupakan salah satu dari tugas rasmi pegawai (disenaraikan dalam senarai tugas pegawai berkenaan), umpamanya Program Bahasa dan Program Pengurusan Projek. Manakala Bukan Jurulatih (bukan tenaga pengajar) pula terdiri dari pegawai-pegawai di Pejabat Pendaftar (Bahagian Pentadbiran dan Kewangan dll). Memberi ceramah atau menjadi fasilitator **BUKAN** merupakan salah satu dari tugas rasmi pegawai (tidak di senaraikan dalam senarai tugas pegawai berkenaan). Semua pegawai dari kategori jurulatih **TIDAK LAYAK** menerima elaun saguhati penceramah/fasilitator jika memberi ceramah/fasilitator di anjuran program INTAN.

TAFSIRAN

4. Tafsiran di bawah ini adalah dilihat dari perspektif INSTUN sebagai sebuah institusi latihan awam. Antara tafsiran yang patut diketahui adalah:
 - a) “**Pensyarah/penceramah INSTUN**” bermaksud seseorang pegawai INSTUN yang diberi tanggungjawab memberi ceramah/syarah atas bidang/tajuk tertentu samada kursus/bengkel/seminar/majlis rasmi/program yang dianjurkan oleh INSTUN atau jabatan/agensi lain.
 - b) “**Fasilitator INSTUN**” bermaksud seseorang pegawai INSTUN yang diberi tanggungjawab bagi membantu pensyarah/penceramah mengendalikan syarahan/latihan amal/ kajian kes/latihan amali di padang/latihan berkumpulan dan sebagainya.
 - c) “**Urus Setia**” bermaksud sekumpulan pegawai INSTUN yang dipertanggungjawabkan menguruskan hal ehwal sesuatu kursus/program sebelum, semasa dan selepas kursus.
 - d) “**Program Core Business**” merangkumi program latihan dalam bidang tanah, ukur & pemetaan dan teknologi maklumat.

PELAKSANAAN

5. Dengan mengambil kira Pekeliling Perbendaharaan Billangan 2 Tahun 2005 dan model dari INTAN, maka diputuskan bahawa:
 - a) Semua pegawai dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Ukur dan Pemetaan **TIDAK LAYAK** menerima elaun saguhati penceramah/fasilitator jika memberi

ceramah/fasilitator di ketiga-tiga Bahagian tersebut kerana pegawai tersebut diklasifikasikan sebagai tenaga pengajar bagi program tanah, program ukur dan program teknologi maklumat. (program tersebut merupakan *Core Business* INSTUN dan dianjurkan oleh INSTUN);

Contoh 1:

Tuan Mohd Sidek, KB Tanah, INSTUN dikehendaki memberi ceramah oleh Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN atas tajuk “ Pelupusan Tanah”. Maka beliau **TIDAK LAYAK** dibayar elaun saguhati penceramah, berdasarkan perkara 3 (iii) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 tahun 2005.

Contoh 2:

Tuan Mohd Sidek, KB Tanah, INSTUN dikehendaki memberi ceramah oleh Seksyen Kewangan (tajuk aset dan stor dimana ianya bukan bidang latihan/*Core Business* pegawai berkenaan) atas tajuk “ Aset dan Stor ”. Maka beliau **LAYAK** dibayar elaun saguhati penceramah, berdasarkan perkara 3 (iii) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 tahun 2005.

- b) Semua pegawai INSTUN **LAYAK** dibayar elaun saguhati jika memberi ceramah atau dilantik sebagai fasilitator bagi kursus/bengkel/seminar/majlis rasmi/program yang bukan dianjurkan oleh INSTUN;
- c) Hanya pegawai dari Bahagian Pentadbiran dan Kewangan serta Bahagian R&D **LAYAK** menerima elaun saguhati penceramah atau fasilitator jika diminta memberi ceramah/fasilitator di ketiga-tiga Bahagian tersebut (Tanah, Ukur dan TM) kerana pegawai tersebut tidak diklasifikasikan sebagai tenaga pengajar dan tiada kemahiran dalam ketiga-ketiga bidang tersebut (setakat ini).

Contoh 1:

En. Nik, Pen. Pendaftar di Seksyen PSM, INSTUN dikehendaki memberi ceramah oleh Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN atas tajuk “ Etika Kerja ”. Maka beliau **LAYAK** dibayar elaun saguhati penceramah, berdasarkan perkara 3 (ii) dan (iii), Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 tahun 2005.

Contoh 2:

En. Addy, Pegawai Keselamatan di Seksyen Keselamatan, INSTUN dikehendaki memberi ceramah oleh Seksyen PSM, INSTUN atas tajuk "Perintah Am Bab E". Maka beliau LAYAK dibayar elaun suguhati penceramah, berdasarkan perkara 3 (ii) dan (iii), Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 tahun 2005.

- d) Memberi syarahan / ceramah atau menjadi fasilitator bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai.
- e) Walaubagaimana pun bagi kes Pegawai Hal Ehwal Agama Islam yang terletak di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, jika dinyatakan dalam senarai tugas bahawa memberi ceramah/fasilitator merupakan salah satu dari tugas rasmi pegawai berkenaan, maka beliau juga TIDAK LAYAK dibayar elaun suguhati penceramah/fasilitator. Dalam penentuan bayaran suguhati, Pendaftar adalah diberi tanggungjawab untuk mengenalpasti senarai tugas sebenar pegawai berkenaan. Jika pada pendapat Pendaftar bahawa tugas memberi ceramah bukan merupakan sebahagian tugas pegawai tersebut, maka beliau layak di bayar elaun suguhati penceramah/fasilitator berdasarkan perkara 3 (ii), Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005.
- f) Pegawai yang bertindak sebagai Urus Setia kepada sesuatu kursus/bengkel/seminar/majlis rasmi/program serta diberi tanggungjawab berceramah atau fasilitator maka pegawai-pegawai tersebut TIDAK LAYAK dibayar elaun suguhati penceramah/fasilitator;

Contoh 1:

En. Addy dan En. Rahman dari Seksyen Keselamatan telah menganjurkan kursus keselamatan. Sudah tentunya Urus Setia kursus ini adalah dari Seksyen Keselamatan. Pada masa yang sama mereka juga menjadi penceramah/fasilitator. Maka, mereka TIDAK LAYAK di bayar elaun suguhati penceramah mengikut perkara 3(iv) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 tahun 2005.

- g) Bagi penceramah/fasilitator yang diberi cenderahati juga TIDAK LAYAK dibayar elaun suguhati penceramah/fasilitator mengikut perkara 3(vi) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 tahun 2005.

PEMATUHAN

6. Semua Ketua Bahagian/Pendaftar hendaklah memantau, menyelaras dan memastikan arahan ini dipatuhi oleh semua pegawai/kakitangan yang terlibat dengan urusan memberi syarahan/ceramah/fasilitator serta urus setia kursus di bawah pengawasan masing-masing dari semasa ke semasa.
7. Surat Arahan ini hendaklah merujuk Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005.
8. Sebarang pertanyaan bolehlah dirujuk kepada Seksyen Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan serta Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, INSTUN.

TARIKH KUAT KUASA

15. Surat Arahan ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MENDAHULUI CABARAN”



(MD ALIAS BIN IBRAHIM)
Pengarah
Institut Tanah dan Ukur Negara
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Tarikh: 15 Mac 2010

Semua Pegawai / Kakitangan INSTUN

